

## **TIGA SEKAWAN**

Oleh

**Benjamin Anak Kibong**  
*SK Nanga Menjuau, Ulu Skrang*  
*95900 Lubok Antu, Sarawak.*

### **Abstrak**

*Dalam kajian ini, saya telah mengenengahkan masalah yang dihadapi oleh tiga orang murid Tahun Satu iaitu Ris, Uma dan Mie. Masalahnya ialah mereka tidak mahir menulis nombor 1 hingga 9 sedangkan rakan-rakan mereka yang lain sudah boleh menulis nombor walaupun tiada pengalaman prasekolah. Sebagai guru subjek Matematik Tahun Satu, saya telah merancang satu teknik iaitu teknik 'tracing' untuk membantu mereka. Selama enam minggu saya menjalankan kajian ini dan hasil dapatan yang saya perolehi cukup memerangsangkan walaupun objektif sebenar saya tidak tercapai. Dalam kajian ini, saya telah berjaya membantu Mie menulis nombor 1 hingga 9 manakala Ris dan Uma berjaya menulis nombor 1 hingga 6 sahaja melalui teknik 'tracing'. Walaupun pencapaian mereka bertiga tidak sama tetapi sekurang-kurangnya mereka telah mencuba yang terbaik. Saya juga menghadapi kekangan masa dalam melaksanakan kajian ini. Namun, saya sungguh gembira kerana dapat membantu mereka menulis nombor 1 hingga 9 walaupun mungkin mereka tidak tahu nilai nombor dan mengenal nombor tersebut. Semasa kajian dijalankan, mereka menampakkan peningkatan yang baik pada setiap ujian yang diadakan. Secara keseluruhannya, saya berjaya meringankan masalah yang dihadapi oleh mereka dan membantu Ris, Uma dan Mie menulis nombor-nombor berkaitan.*

### **SIAPA SAYA?**

Saya adalah seorang guru yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Menjuau dan sudah masuk tahun yang ketiga saya mengajar di sekolah ini. Tahun 2005 merupakan tahun penempatan pertama saya di sekolah tersebut setelah menamatkan pengajian saya di maktab. Di sekolah ini, terdapat hanya enam orang guru (termasuk Guru Besar dan tiga orang Penolong Kanan) dengan bilangan murid seramai 61 orang termasuk tiga orang murid harian. Bilangan kelas ialah enam buah (Tahun 1 hingga Tahun 6). Sekolah ini dikategorikan sebagai sekolah pedalaman kategori 3 kerana sekolah ini hanya dapat dihubungkan dengan jalan sungai yang mengambil masa lebih kurang lima jam perjalanan menggunakan perahu panjang. Pada tahun 2007, saya telah diberi tugas untuk mengajar subjek Matematik untuk Tahun Satu, Lima dan Enam dan ini merupakan tahun ketiga saya mengajar

subjek Matematik. Kalau dikira dari segi pengalaman, sememangnya saya masih mentah dalam bidang ini tetapi saya tetap berusaha untuk menimba seberapa banyak ilmu yang ada. Di sekolah ini, hanya saya seorang sahaja yang opsyen Matematik. Belum ada guru yang sudi berkhidmat di sekolah ini setelah seorang guru Penolong Kanan yang opsyen Matematik berpindah tahun lepas. Dari segi tahap pendidikan murid-murid sekolah ini, boleh dikatakan mereka adalah pada tahap rendah terutama murid-murid Tahun Satu yang tidak menerima pendidikan awal seperti murid-murid dari sekolah-sekolah pedalaman lain. Jadi, semua tanggung jawab ini terletak pada bahu guru-guru di sekolah ini untuk membantu murid-murid yang mempunyai masalah dalam membaca, mengira dan menulis (3M).

### **Keperihatinan Saya**

Sekolah ini yang mempunyai enam buah kelas (Tahun 1 hingga Tahun 6) dan terdapat kekurangan guru. Ini menyebabkan waktu mengajar harian guru lebih daripada 40 waktu seminggu. Keadaan ini sememangnya membebankan bagi saya terutamanya bila saya perlu melakukan aktiviti di luar kelas. Pada tahun ini, saya mengajar subjek Matematik Tahun 1. Memang sukar mengajar murid-murid yang tidak menerima pendidikan awal kerana terpaksa bermula dari *kosong* untuk mengajar mereka. Pada hari pertama saya mengajar mereka Matematik, ramai murid yang tidak kenal nombor apatah lagi menyebut dan menuliskannya. Jadi, masalah ini terpaksa saya selesaikan iaitu sekurang-kurangnya dapat mengurangkan jumlah yang tidak mengenal nombor. Pada pendapat saya, situasi ini berlaku mungkin kerana mereka kurang pendedahan kerana tiada pendidikan awal. Dalam tempoh dua bulan saya mengajar mereka mengikut sukatan pelajaran yang diberikan, saya telah memberi mereka Ujian Pengesanan untuk mengenal pasti tahap kemahiran mereka selama dua bulan ini.

Daripada ujian itu, terdapat tiga orang murid yang masih belum pandai menulis nombor 1 hingga 9. Saya pun berfikir tentang bagaimanakah saya dapat membantu tiga orang murid ini untuk menulis nombor 1 hingga 9? Mengikut kajian yang dijalankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, didapati hampir 70 peratus (%) murid-murid di sekolah rendah tidak boleh mengira dengan tepat dan cepat. Ini kerana kaedah kelas yang dititikberatkan dianggap kurang sesuai hingga sebilangan besar murid gagal menguasai kemahiran dalam matematik mengikut masa yang ditetapkan. Pada mulanya saya juga menggunakan teknik-teknik yang disarankan dalam buku teks untuk mengajar mereka bertiga menulis nombor 1 hingga 9 tetapi selepas dua bulan berlalu, keadaan mereka masih sama iaitu tidak dapat menulis nombor 1 hingga 9 dengan betul. Saya pun berputus menggunakan teknik *tracing* yang telah saya gunakan pada tahun 2005 dalam membantu Enoch menulis nombor (Benjamin, 2005) untuk membantu tiga orang murid ini. Jadi, kajian saya ini bermula daripada masalah yang

dihadapi oleh Mie, Ris dan Uma dan saya bertekad untuk membantu mereka melalui kajian ini.

### **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk:

- i membantu tiga orang murid Tahun 1 (Mie, Ris dan Uma) menulis nombor 1-9 dengan menggunakan teknik *tracing*; dan
- ii menambahbaik amalan p&p saya dalam bilik darjah.

### **PERSOALAN KAJIAN**

Dalam saya menjalankan kajian ini, terdapat beberapa persoalan yang timbul. Antaranya ialah:

- i Bagaimanakah teknik *tracing* ini dapat membantu Mie, Ris dan Uma menulis nombor 1 hingga 9?
- ii Bagaimanakah saya menambahbaik amalan p&p saya dalam bilik darjah melalui teknik *tracing*?

### **TINDAKAN SAYA**


Semasa saya mula-mula memasuki kelas Tahun 1 dan mengajar topik *Whole Numbers, Subtopic: Number 1 to 9*, saya mendapati ramai murid kelas tersebut yang tidak kenal nombor apatah lagi menyebut dan menulis nombor. Ini mungkin disebabkan oleh faktor pendidikan awal atau tingkah laku murid itu sendiri yang tidak berusaha dan malas untuk tahu mengenai persekolahan. Menurut Skinner (1942), tingkah laku manusia dikawal oleh sesuatu daripada luaran organisma itu. Tidak ada apa dalam manusia yang mengawal tingkah laku. Walau bagaimanapun, Skinner percaya manusia boleh mengubahnya melalui faktor luaran yang membentuk tingkah laku manusia. Malahan, mengikut beliau, pengurusan sendiri berperanan. Pengurusan sendiri adalah situasi yang mana seseorang boleh memulihkan dirinya daripada tabiat yang buruk dengan melakukannya secara berlebihan.

Untuk membantu Mie, Ris dan Uma menulis nombor 1 hingga 9 dengan betul, saya mencuba teknik *tracing*. Dari segi perancangan, kajian saya ini bermula pada bulan Mac 2007. Sebelum kajian ini bermula, Mie, Ris dan Uma sama-sama mengikuti pelajaran seperti biasa bersama-sama murid-murid lain berdasarkan sukatan pelajaran yang diberikan.

Sebelum saya menjalankan kajian ini, saya telah mengadakan satu ujian rintis (pengesanan) khas untuk Mie, Ris dan Uma untuk mengenal pasti tahap kemahiran menulis nombor 1 hingga 9. Hasil analisis ujian rintis (pengesanan) tersebut menunjukkan bahawa mereka bertiga masih tidak


mahir menulis nombor 1 hingga 9 kecuali Mie sahaja yang boleh dikatakan sedikit mahir kerana beliau dapat menulis nombor 1 hingga 8 tetapi tidak pandai menulis nombor 9. Mungkin latihan tubi (*drilling*) yang banyak seperti yang digunakan oleh Pavlov dalam kajiannya dapat membantu mereka bertiga menulis nombor 1 hingga 9 dengan cepat dan betul.

Perancangan yang saya buat tidak melibatkan murid Tahun 1 yang lain dan cuma melibatkan mereka bertiga sahaja. Semasa kajian ini dijalankan, saya terpaksa mengasingkan mereka bertiga kerana aras pembelajaran mereka adalah berbeza daripada murid-murid lain yang mana murid-murid Tahun 1 yang lain sudah mempelajari Unit 2 iaitu *Addition within 10*. Pada waktu subjek Matematik Tahun 1, saya mengajar murid-murid termasuk Ris, Uma dan Mie seperti biasa mengikut bidang pembelajaran yang sedia ada. Saya telah memperuntukkan 20 minit pada waktu rehat untuk membimbing mereka bertiga menulis nombor 1 hingga 9 menggunakan teknik *tracing*. Bimbingan merupakan satu komponen penting dalam latihan mengajar. Ia dapat dilakukan oleh guru pembimbing atau mentor yang terlatih. Bova (1984) menyatakan bahawa dalam bidang pendidikan, mentor berperanan sebagai kawan, pembimbing, kaunselor dan juga guru. Dalam kajian ini, saya bertindak sebagai pengkaji dan pembimbing (*mentor*) kepada Ris, Uma dan Mie (*mentee*) untuk membantu mereka bertiga mengenal, menyebut dan menulis nombor 1 hingga 9. Sebenarnya, teknik *tracing* ini sudah lama diperkenalkan dan digunakan dalam buku teks Matematik Tahun 1 (*Learning Area: Number 1 to 9*) tetapi teknik *tracing* yang saya gunakan telah diubahsuai. Saya menggunakan sekeping kertas saiz A4 dan ditekapkan di atas kad nombor. Langkah-langkah dalam teknik *tracing* adalah seperti yang ditunjukkan pada Carta 1 berikut.



**Langkah 2**

- Kemudian tekapkan kertas putih saiz A4 di atas kertas nombor.



**Langkah 3**

- Setelah ditekapkan, kita lakukan *tracing* di atas kertas saiz A4

Rajah 1. Langkah-langkah *tracing*

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka Bentuk Kajian

Dalam bahagian ini, saya akan menceritakan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Secara umumnya, kajian kes ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk melihat kesan teknik *tracing* yang saya gunakan untuk membantu Ris, Uma dan Mie dalam menulis nombor 1 hingga 9. Menurut Yin (1984), kajian kes merupakan satu kajian empirikal yang membolehkan penyelidik menyiasat dan meneroka sesuatu fenomena dalam keadaan sebenar menerusi pelbagai kaedah pengumpulan data. Saya percaya pendekatan kualitatif dalam kajian kes ini akan membolehkan saya memperolehi maklum balas dan maklumat tentang kesan teknik *tracing* yang saya gunakan ini.

### Sampel Kajian

Dalam kajian ini, sampel telah dipilih berdasarkan ujian rintis (pengesanan) yang telah dijalankan sebelum kajian ini bermula. Berdasarkan ujian pengesanan ini, tiga orang murid Tahun 1 iaitu Ris, Uma dan Mie telah dipilih sebagai sampel.

### **Teknik Mengumpul Data**

Data kajian ini telah dikumpul saya berasaskan sumber seperti dokumen, hasil ujian murid dan jurnal harian saya.

### **Teknik Menganalisis Data**


Saya telah menganalisis data yang membabitkan hasil kerja murid (ujian murid) dan catatan atau jurnal harian saya. Data yang telah dikumpul diteliti dan dianalisis kandungan. Saya melakukan analisis data secara sendiri dan kemudian data tersebut dikongsi bersama dengan rakan penyelidik yang lain semasa perjumpaan atau bengkel penyelidikan tindakan yang saya hadiri bersama rakan penyelidik penyelidikan tindakan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN REFLEKSI**

Pada minggu pertama dan kedua kajian ini bermula (26 Mac 2007 – 6 April 2007, tidak termasuk hari Sabtu dan Ahad), saya telah memperkenalkan kepada mereka bertiga teknik *tracing* dan menerangkan bagaimana menggunakan teknik *tracing* dengan betul. Saya mengajar mereka menulis nombor tersebut di atas kertas kosong saiz A4 yang ditekapkan atau diletakkan di atas kad nombor. *Tracing* kemudian dilakukan. Pada masa itu, saya hanya memerhatikan mereka. Seandainya mereka ada masalah semasa melakukan *tracing*, saya akan memberi tunjuk ajar kepada mereka. Pada minggu tersebut, saya hanya mendedahkan mereka kepada cara-cara membuat teknik *tracing* untuk nombor 1 hingga 3 sahaja. Saya dapat tidak terdapat masalah bagi Mie berbanding Ris dan Uma. Semasa mereka melakukan *tracing*, saya hanya melakukan pemerhatian saja. Saya mendapati Mie lebih cepat mahir melakukan *tracing* nombor-nombor tersebut berbanding Ris dan Uma. Saya menghadkan tiga nombor tersebut sahaja dalam tempoh dua minggu ini untuk memudahkan mereka memahami teknik *tracing*. Biarlah mereka belajar secara perlahan-lahan sehinggalah mereka menunjukkan kemajuan dalam melakukan *tracing* untuk menghasilkan nombor-nombor ini. Saya telah mengajar mereka pada waktu rehat sewaktu hari persekolahan iaitu di antara pukul 10:00 pagi hingga 10:30 pagi. Saya telah meluangkan masa mengajar dan membimbing mereka selama 30 minit sahaja tetapi pada setiap hari. Pada waktu petang, saya tidak dapat meluangkan masa dengan mereka bertiga kerana kelas Skim Baucar Tuisyen dan kelas tambahan untuk Tahun 6.


Selepas dua minggu saya mengajar dan membimbing mereka bertiga menulis nombor dengan menggunakan teknik *tracing*, saya telah menguji tahap penguasaan mereka dalam menulis nombor 1 hingga 3. Nombor-nombor dalam kertas ujian pertama ini saya tulis sendiri menggunakan tulisan tangan sendiri kerana ia lebih sesuai berbanding dengan nombor-nombor yang boleh diperolehi daripada komputer.

Gambar 1 hingga 4 menunjukkan Ris, Uma dan Mie sedang membuat ujian pertama yang telah saya adakan pada 9 April 2007.



Gambar 1 hingga 4. Ris, Uma dan Mie sedang membuat ujian pertama

Hasil daripada ujian pertama ini adalah seperti yang dipaparkan pada Gambar 5.




Gambar 5. Jawapan Ujian Pertama Ris, Uma dan Mie

Analisis ujian tersebut mendapati Ris dan Uma masih terumbang-ambing berbanding dengan Mie yang sudah berjaya menulis nombor 1, 2 dan 3. Kemungkinan Ris dan Uma ini adalah *slow learner* dan memerlukan lebih banyak masa untuk mempelajari sesuatu. Kajian Haskell (2000) mendapati kelemahan kanak-kanak dalam pengiraan dikaitkan dengan kelewatan pertumbuhan, pengalaman yang terbatas, masalah bahasa, dan kelemahan-kelemahan dalam persepsi, motor dan ingatan. Kajian Christopher (1984) mendapati prinsip hafalan juga sama dititikberatkan dengan kefahaman dan aplikasi maklumat dalam pengiraan. Keputusan ujian ini juga menunjukkan bahawa saya perlu memberi fokus dan perhatian yang lebih kepada Ris dan Uma dan ini telah saya lakukan pada minggu seterusnya.

Pada minggu yang ketiga dan keempat (10 April 2007 – 20 April 2007, tidak termasuk hari Sabtu dan Ahad), saya telah lebih menumpukan perhatian kepada Ris dan Uma. Bagi Mie pun, saya telah meneruskan penggunaan teknik *tracing* untuk menulis nombor 4, 5 dan 6. Ris dan Uma pula belajar menulis nombor 1 hingga 6. Seperti biasa, saya mengulang teknik *tracing* untuk mengajar dan membimbing mereka bertiga menulis nombor, cuma saya terpaksa bermula dari awal lagi untuk mengajar Ris dan Uma menulis nombor 1 hingga 6. Mula-mula, saya menunjukkan mereka bagaimana menulis setiap nombor itu dengan menggunakan teknik *tracing*. Kemudian, saya mengajar mereka menulis nombor di atas kertas putih saiz A4 mengikut nombor yang ditekapkan dengan bantuan tangan saya iaitu saya memegang tangan mereka sambil menulis.

Dalam saya melaksanakan teknik ini, saya menghadapi kesukaran untuk mengajar Ris dan Uma menulis kerana tangan mereka terlalu *keras* (rasa kekok) berbanding Mie. Saya selalu mengingatkan mereka untuk *melembutkan* tangan mereka semasa menulis. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh ketidakbiasaan mereka memegang pensel. Saya masih lagi ingat waktu mula-mula saya memasuki kelas mereka. Semasa saya meminta mereka memegang pensel dan menulis pada buku, kebanyakan daripada mereka masih tidak mengerti cara memegang pensel dengan betul. Dalam masa dua minggu sepanjang minggu ketiga dan keempat saya menjalankan kajian ini, saya juga memberi penekanan kepada mereka bertiga tentang teknik menulis nombor yang betul seperti bagaimana harus mula menulis sesuatu nombor itu. Rajah 2 merupakan salah satu contoh cara-cara menulis nombor yang saya tekankan semasa bimbingan saya.






Rajah 2. Contoh cara-cara menulis nombor dengan betul.

Setelah empat minggu berlalu, kemajuan mereka dalam tempoh empat minggu ini telah saya perhatikan. Saya perhatikan mereka bertiga boleh menyebut nombor 1 hingga 9 tetapi secara hafalan. Mereka juga masih belum mengenal nombor tetapi apabila diminta mengira, mereka dapat mengira nombor-nombor tersebut. Kalau diminta mengenal nombor, mereka kelihatan kelam-kabut. Apabila saya memberitahu nombor tersebut, Ris pun bising dan berkata "Oh, pia...baru ingat aku!" (Saya baru ingat sekarang) (Jurnal harian, 18 April 2007).

Pada 23 April 2007 (Isnin), saya mengadakan ujian kedua untuk mengenal pasti tahap penguasaan mereka bertiga bagi tempoh empat minggu tersebut. Pada ujian kedua ini, saya telah memberikan dua kertas yang berbeza iaitu satu helai kertas khas untuk Mie dan satu lagi helai kertas untuk Ris dan Uma kerana tahap penguasaan mereka berbeza. Ris dan Uma masih menggunakan soalan ujian pertama dahulu kerana mereka masih belum menguasai nombor-nombor tersebut. Gambar 6 menunjukkan jawapan mereka bertiga.




Gambar 6. Jawapan Ujian Kedua Ris, Uma dan Mie

Analisis ujian kedua mendapati Mie tidak menghadapi masalah untuk ujian kedua ini kerana dia dapat menulis menjawab ujian tersebut dengan betul. Begitu juga dengan Ris dan Uma. Ris dan Uma telah berjaya menulis nombor 1, 2 dan 3. Saya berasa gembira kerana saya dapat membantu mereka bertiga terutamanya Ris dan Uma menulis nombor 1, 2 dan 3 walaupun mengambil masa yang lama.

Pada 30 April 2007 (Isnin), saya mendedahkan mereka kepada nombor 4 hingga 9. Seperti biasa, saya menggunakan teknik *tracing* untuk mengajar mereka menulis nombor. Bagi Mie, menulis nombor 4 hingga 6 memang tidak menjadi masalah kerana beliau telah menguasai kemahiran ini. Jadi, tumpuan saya lebih kepada Ris dan Uma. Pada minggu ini dan seterusnya, saya telah memberi fokus pada nombor 4 hingga 9 sekaligus. Ini mungkin membebankan Ris dan Uma kerana terpaksa belajar enam nombor sekaligus berbanding dengan Mie yang hanya menumpukan perhatian untuk belajar nombor-nombor 7, 8 dan 9. Pada minggu ini, saya mengadakan perjumpaan dua kali sehari bersama mereka iaitu pada jam 10:00 pagi dan 4:00 petang. Ini adalah untuk memudahkan saya memberi penekanan yang lebih terutamanya kepada Ris dan Uma.

Pada 1 Mei 2007, jam 4:00 petang, saya melihat Ris mengaru-garu kepala semasa melakukan *tracing* untuk nombor 5. Beliau sering kali memadamkan tulisan beliau. Saya hanya memerhatikan sahaja kelakuannya itu. Memang sukar untuk Ris menulis nombor 5. Saya perhatikan beliau menulis nombor 5 terbalik dan ini selalu berlaku. Begitu juga dengan nombor 6. Nombor 6 dituliskannya menjadi nombor 9. Saya selalu menegur dan memberi tunjuk ajar kepada Ris tentang kesilapan yang beliau lakukan itu. Saya selalu tegaskan kepada mereka agar menulis nombor dengan betul dan jelas serta jangan ganggu kawan. Ris juga selalu menjenguk kerja Mie dan beliau sering dimarahi oleh Mie. Mie selalu menyebut, "*Anang meda enggau kami*" (*Jangan tengok saya punya*), kepada Ris kerana Mie tidak mahu Ris meniru kerja beliau. Lain pula gelagat Uma. Beliau lebih suka mendiamkan diri dan asyik dengan kerjanya sendiri (Jurnal harian, 1 Mei 2007).

Pada 7 Mei 2007, saya telah mengadakan ujian yang ketiga tetapi mempunyai tugas yang berbeza kerana keputusan ujian Mie yang berbeza daripada ujian Ris dan Uma. Mie didapati telah menguasai ujian kedua yang melibatkan nombor 4, 5 dan 6 manakala Ris dan Uma masih belum menguasainya. Jadi dalam ujian ketiga ini, Mie menulis nombor 7,8 dan 9. Gambar 7 menunjukkan keputusan ujian mereka bertiga.



Gambar 7. Jawapan Ujian Ketiga Ris, Uma dan Mie

Analisis jawapan ujian tersebut menunjukkan bahawa mereka bertiga dapat menulis nombor-nombor dikemukakan dengan tepat. Ris dan Uma sudah dapat menguasai tahap menulis nombor 4, 5 dan 6 manakala Mie sudah dapat menguasai nombor 7, 8 dan 9. Selama lima minggu saya memberi tunjuk ajar kepada mereka bertiga, saya dapati mereka sudah mula mahir menulis nombor dengan betul walaupun prosesnya lambat. Tetapi saya cukup puas hati dengan tahap kemajuan mereka bertiga terutamanya Mie kerana beliau telah mahir menulis nombor 1 hingga 9. Ini bermakna usaha saya selama ini tidak sia-sia. Begitu juga dengan Ris dan Uma. Mereka juga menunjukkan tahap kemajuan yang baik kerana telah berjaya menulis nombor 1 hingga 6 setakat ini. Jadi, pada minggu keenam ini, saya lebih menumpukan perhatian saya kepada Uma dan Ris. Seperti biasa, saya meneruskan usaha saya untuk membantu Ris dan Uma menulis nombor 7, 8 dan 9. Bagi Mie, saya terpaksa membiarkan beliau kembali ke kelas seperti biasa bersama-sama dengan kawan-kawannya yang lain.

Kajian saya terpaksa diberhentikan setakat 11 Mei 2007 kerana Ris dan Uma telah diserapkan ke dalam Kelas Pemulihan yang diajar oleh guru pemulihan yang baru. Kelas Pemulihan ini baru sahaja diperkenalkan di sekolah ini. Maka, saya tidak dapat meluangkan masa untuk mereka kerana takut percanggahan waktu dan cara pengendalian sesi pemulihan dalam kelas pemulihan. Jadi, saya menyerahkan tugas saya seterusnya kepada guru pemulihan sekolah saya untuk membantu Ris dan Uma.

Saya cukup gembira kerana usaha saya selama ini menunjukkan kejayaan walaupun saya hanya dapat membantu Mie tetapi saya puas kerana sekurang-kurangnya saya dapat membantu mereka sampai ke tahap mereka masing-masing. Memang sukar bagi saya semasa menjalankan kajian ini disebabkan kekangan waktu. Melalui kajian ini juga, saya banyak menimba ilmu pengetahuan dari segi penyelidikan dan ini merupakan tahun

ketiga saya mengikuti kursus penyelidikan tindakan. Terlalu banyak rintangan yang terpaksa saya hadapi kerana saya tiada sumber maklumat dan rakan tempat saya bertanya memandangkan lokasi sekolah dan kemudahan internet yang terhad. Saya tidak dapat meluahkan permasalahan yang saya hadapi semasa menjalankan kajian ini. Kadang kala saya merasakan kajian saya ini sia-sia sahaja kerana saya sering hilang idea untuk melaksanakan kajian ini secara sendirian tetapi berbekal pengalaman yang saya ada selama ini, saya kuatkan azam saya untuk menghasilkan satu laporan penyelidikan tindakan agar ia dapat membantu pendidik yang lain (jika berkenaan) untuk membantu anak murid kita yang menghadapi masalah dalam menulis nombor.

### **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian saya ini berjaya walaupun objektif kajian saya untuk membantu Ris, Uma dan Mie menulis nombor 1 hingga 9 tidak kesampaian tetapi bagi saya, apa yang lebih penting dan bermakna pada saya ialah saya telah berjaya menunjuk ajar Mie menulis nombor 1 hingga 9 manakala Ris dan Uma hanya berjaya menulis nombor 1 hingga nombor 6. Ini disebabkan masalah kekangan masa yang saya hadapi dalam menjalankan kajian ini. Saya terpaksa memberhentikan kajian saya ini kerana Ris dan Uma telah diserapkan ke dalam Kelas Pemulihan dan pihak sekolah mengarahkan saya memberikan tanggungjawab membimbing murid-murid ini kepada guru pemulihan bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Murid-murid ini memerlukan perhatian dan tunjuk ajar yang lebih agar mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan pendidikan terutamanya anak didik kita yang berada di kawasan pedalaman seperti ini. Saya juga berharap saya dapat meneruskan penyelidikan tindakan ini lagi pada masa akan datang jika diberikan peluang untuk mengetengahkan formula dan kaedah-kaedah yang dapat membantu meringankan masalah yang dihadapi oleh anak didik kita. Dengan kajian ini juga, saya menyeru dan berharap agar kajian seumpama ini dapat diteruskan oleh para pendidik yang lain. Janganlah kita berasa berat untuk membantu anak murid kita jika kita diberi peluang seumpama ini.

### **BIBLIOGRAFI**

Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis panduan pelaksanaan kursus penyelidikan tindakan Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur. Kementerian Pendidikan.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2005). *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 7.

- Benjamin ak Kibong. (2005). Buta Nombor. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan 2005, 3 - 4 Oktober 2005*, 18-25.
- Borg, W.R. (1963). *Education research: an introduction*. New York: David McKay Co.
- Buzan, T. (1992). *Use your head*. London: BBC Books.
- Jacobseb, D. A., Eggen, P.D. & Kaucahak, D.P. (1993). *Methods for Teaching*. New York: Macmillan Publishing Co.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1982). *Buku panduan khas: Program Pemulihan*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- McNiff, J. (1993). *Teaching as learning: An action research approach*. London: Routledge.
- Neumann, W.L. (1997). *Social research methods: Qualitative and Quantitative approaches*. Boston: Allyn and Bacon.
- Yin, R.K. (1984). *Case study research*. Beverly Hill, CA.: Sage Publications.

**Kertas Ujian**

Name: \_\_\_\_\_

Date: \_\_\_\_\_




**Instructions: Write the numbers.**

1					
2					
3					

Name: \_\_\_\_\_

Date: \_\_\_\_\_

**Instructions: Write the numbers**

Name: \_\_\_\_\_

Date: \_\_\_\_\_

**Instructions: Write the numbers.**

7					
8					
9					